



## JURNAL LINGUISTIK Vol. 25 (1) Mei 2021 (001-020)

### Analisis Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Murid Berdasarkan Teori Relevans

Marriane Tang Nguik Hong<sup>1</sup>, Nur Farakhanna Mohd Rusli<sup>2</sup>, Noor Syamshida Masa<sup>3</sup>,  
Norfaizah Abdul Jobar<sup>4</sup>  
[hiongmarriane@gmail.com](mailto:hiongmarriane@gmail.com)<sup>1</sup>, [farakhanna@fbk.upsi.edu.my](mailto:farakhanna@fbk.upsi.edu.my)<sup>2</sup>, [shida96.ns@gmail.com](mailto:shida96.ns@gmail.com)<sup>3</sup>,  
[norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my](mailto:norfaizah.aj@fbk.upsi.edu.my)

*Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu,  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, MALAYSIA*

Tarikh terima : 13 April 2021  
*Received*  
Terima untuk diterbitkan : 10 Mei 2021  
*Accepted*  
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2021  
*Published online*

---

#### Abstrak

Makalah ini bertujuan menjelaskan analisis kefahaman makna peribahasa dalam kalangan murid berdasarkan teori relevans (Sperber dan Wilson, 1986). Data kajian diperoleh melalui kaedah kepustakaan dan pemerhatian dengan bantuan ujian bertulis dan buku catatan. Informan yang dipilih merupakan 30 orang murid tingkatan 1 berbangsa Melayu, Cina dan India yang bersekolah di SMK Pendamaran Jaya, Pelabuhan Klang, Selangor. Dapatan kajian dianalisis berdasarkan Teori Relevans. Hasil kajian menunjukkan tahap kefahaman murid terhadap makna tiga jenis peribahasa Melayu, iaitu (i) 'bagai menatang minyak yang penuh', (ii) 'harapkan pagar, pagar makan padi', dan (iii) 'bagai melepaskan batuk di tangga' adalah tinggi. Namun, terdapat juga murid yang sukar menjelaskan makna ketiga-tiga peribahasa tersebut. Teori relevans yang digunakan dalam analisis terdiri daripada tiga gagasan utama, iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Hasil kajian menunjukkan faktor psikologi, persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi menjadi faktor utama oleh murid menanggapi makna ketiga-tiga peribahasa tersebut. Implikasinya, kajian ini dapat mengetengahkan faktor-faktor yang mendorong murid-murid mentafsir makna peribahasa yang terdapat dalam bahasa Melayu berdasarkan aplikasi teori relevans.

Kata kunci: Peribahasa, teori relevans, murid, tingkatan 1, tahap kefahaman

***Analysis of the Understanding of the Meaning of Proverbs among Students  
Based on Relevance Theory***

**Abstract**

*This paper aims to explain the analysis level of understanding among students regarding the meaning of proverbs based on Relevance theory (Sperber and Wilson, 1986). Research data was obtained through literature reviews and observation methods utilising written tests and notebooks as the research tool. Respondents were 30 Form 1 Malay, Chinese, and Indian students from from SMK Pendamaran Jaya, Port Klang, Selangor. Research findings indicate that the level of students' understanding of the meaning of three Malay proverb which is, (i) 'bagai menatang minyak yang penuh', (ii) 'harapkan pagar, pagar makan padi', and (iii) 'bagai melepaskan batuk di tangga' are high. However, there are several students that unable to explain the meaning of the three proverbs. Based on relevance theory, three are three main ideas which is, context, context effect, and processing effort. Research findings also indicate that psychology, physical environment, assumptions, and personal experiences become the most factors for students to interpret the meaning of Malay proverbs based on relevance theory.*

*Keywords: proverbs, relevance theory, students, form 1, level of understanding*

---

## **1. Pengenalan**

Pembelajaran bahasa Melayu menjadi penting kepada murid kerana dalam sistem pendidikan di Malaysia, bahasa yang digunakan dalam peperiksaan ialah bahasa Melayu bagi semua mata pelajaran (kecuali bahasa Inggeris) (Nor Ain Nor Azman dan Nur Farakhanna Mohd Rusli, 2020), dan bukan lagi dwibahasa contohnya dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, iaitu ketika pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) yang telah pun dimansuhkan pada tahun 2012. Selain itu, dalam sistem pendidikan di Malaysia juga, mata pelajaran bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang wajib diambil dan pada masa yang sama merupakan mata pelajaran wajib lulus. Pada dasarnya, bukan hanya atas dasar bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan wajib lulus semata-mata, penguasaan murid terhadap sistem nahu bahasa Melayu juga dituntut untuk membolehkan murid menguasai bahasa tersebut dan mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Salah satu elemen dalam bahasa Melayu yang boleh dan sentiasa relevan diguna pakai dalam komunikasi seharian ialah peribahasa. Peribahasa merupakan salah satu komponen penting dalam puisi tradisional yang mampu mencorakkan nilai budi orang Melayu. Keadaan ini telah sebatu dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu. Keindahan peribahasa Melayu tidak hanya terpancar melalui susunan kata-kata dan perlambangannya, tetapi lebih jauh daripada itu kerana peribahasa Melayu ialah paparan tingkah laku, ketinggian ilmu dan falsafah yang terbit daripada akal budi orang Melayu (Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin dan Wan Nurasikin Wan Ismail, 2016).

Nor Hashimah Jalaluddin (2014) berpendapat, “Peribahasa adalah unsur penting sebagai pengungkap falsafah, ilmu dan pemikiran serta sebagai alat kreativiti insan dalam pelbagai bidang kehidupan. Peribahasa dalam masyarakat Melayu adalah paparan tingkah laku dan jiwa penuturnya, sekali gus mencerminkan akal budi penuturnya. Justeru, memahami peribahasa bukan sekadar memahami urutan perkataan yang memberi makna, tetapi lebih luas daripada itu. Peribahasa memerlukan ‘mata hati’ untuk mentafsirnya bagi mendapatkan makna sebenar yang hendak disampaikan”. Tambah Nor Hashimah Jalaluddin (2014), “Keunikan inilah yang telah menarik perhatian ramai sarjana luar negara bahkan sarjana tempatan untuk mengkaji

akal budi masyarakat Melayu". Tambahan juga, pengekalannya sesuatu elemen bahasa termasuklah peribahasa merupakan suatu proses kesinambungan linguistik yang merentasi zaman. Pengekalannya dan penerapannya elemen ini secara berterusan dalam kehidupan mencerminkan keupayaan orang asal dalam mengawal dan mempunyai proses interaksi berkesan yang mengekalkan budaya sesuatu kaum (Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin dan Mardian Shah Omar, 2020).

Penghayatan terhadap sesuatu peribahasa, khususnya dalam kalangan generasi baharu, masih kurang memuaskan. Hal ini dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010). Menurut pengkaji, lebih daripada 60% remaja gagal menguasai kemahiran peribahasa dengan baik. Melihat dari segi faktor jantina, kajian ini mendapati penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan remaja perempuan lebih baik berbanding remaja lelaki. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan remaja perempuan dengan peratus 15.3% atau 132 orang adalah golongan yang lebih ramai menguasai peribahasa Melayu dengan baik, berbanding dengan remaja lelaki dengan peratus sebanyak 6.7% atau 40 orang. Kajian ini turut menunjukkan remaja perempuan lebih kerap membaca buku berbanding remaja lelaki dengan perbezaan peratusan sebanyak 60.3% atau 785 orang untuk remaja perempuan, dan sebanyak 39.7% atau 516 orang untuk remaja lelaki.

Peribahasa merupakan salah satu cabang sastera lama yang *tak lapuk di hujan dan tak lekang di panas* (Mohd Ridzuan Md. Nasir, 2017). Tambahnya, peribahasa merupakan warisan negara. Martabatnya harus dijaga setaraf pemeliharaan kedudukan pantun, syair, gurindam, seloka, teromba dan warisan-warisan lain dalam masyarakat. Peribahasa merupakan salah satu elemen yang wajib diajar kepada murid kerana ia terkandung di dalam kurikulum bagi subjek berkenaan (Mohd Mahzan Awang, Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin dan Abdul Razaq Ahmad, 2015). Penggunaan peribahasa dilihat membantu murid menerapkan pelbagai keindahan bahasa khususnya dalam aspek penulisan kerana pembentukan ayat yang menggunakan peribahasa menunjukkan keperibadian penulis yang mempunyai nilai estetika yang tinggi serta mampu mengaplikasikan nilai-nilai estetika dalam sesebuah bahasa khususnya dalam bentuk bertulis (Effendy Ahmadi, 2004).

Berdasarkan pernyataan tersebut, maka dalam aspek pendidikan, peranan guru sangat penting dalam memberi pendedahan kepada murid terhadap kepelbagaian peribahasa yang terdapat dalam budaya masyarakat Melayu, selain berusaha membantu murid memahami tafsiran peribahasa dengan tepat, sekali gus dapat diaplikasikan oleh murid dalam komunikasi seharian. Dalam erti kata lain, pembelajaran dan penghayatan terhadap peribahasa bertujuan meningkatkan keupayaan berbahasa dalam kalangan murid. Bagi meningkatkan penguasaan, pemahaman dan penggunaan peribahasa, maka dua objektif telah dikemukakan dalam perbincangan ini, iaitu (i) mengenal pasti tahap kefahaman murid terhadap peribahasa Melayu, dan (ii) menganalisis hubungan antara kefahaman murid dengan teori relevans. Kajian ini penting untuk mengetahui kefahaman murid Tingkatan 1 SMK Pendamaran Jaya terhadap penggunaan peribahasa. Oleh sebab bahasa Melayu mempunyai pelbagai variasi peribahasa yang menarik serta unik, maka hanya tiga peribahasa sahaja yang dipilih dalam perbincangan ini, iaitu (i) 'bagai menatang minyak yang penuh', (ii) 'harapkan pagar, pagar makan padi', dan (iii) 'bagai melepaskan batuk di tangga'. Ketiga-tiga peribahasa ini dipilih kerana peribahasa-peribahasa tersebut sering digunakan dalam penulisan, selain tidak mempunyai makna yang rumit memandangkan peribahasa-peribahasa tersebut kerap diketengahkan kepada khalayak contohnya melalui media massa seperti akhbar, majalah, teks-teks akademik dan sebagainya.

## 2. Kajian Lepas

Proses pengajaran dan pembelajaran pada abad ke-21 memerlukan murid yang aktif dan berkeupayaan menangani masalah bukan sahaja dengan bijak, malah secara sistematik, kreatif dan inovatif. Tambahan pula, sukatan pelajaran kini kian rencam dengan pelbagai input baharu yang diketengahkan kepada murid bertujuan melahirkan murid yang berpengetahuan luas (Nur Fatin Shamimi, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Mohd Rai'in Shaari dan Kesavan Nallaluthan, 2021). Peribahasa Melayu merupakan antara input dalam sukatan mata pelajaran bahasa Melayu yang perlu dikuasai oleh murid pada masa kini kerana di dalam peribahasa terkandung pemikiran dan falsafah bangsa Melayu yang disampaikan secara tersurat bahkan secara tersirat (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011)).

Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010) merupakan antara pengkaji yang telah mengkaji penggunaan dan penghayatan peribahasa Melayu dan fokus audiensnya adalah dalam kalangan remaja. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap penguasaan kemahiran peribahasa Melayu dalam kalangan remaja, dan menjelaskan penguasaan kemahiran peribahasa remaja berdasarkan ilmu pragmatik. Kajian yang menggunakan instrumen borang soal selidik ini menunjukkan lebih daripada 60% atau seramai 694 orang remaja gagal menguasai kemahiran peribahasa dengan baik dan hal ini dikaitkan dengan faktor sosial remaja terbabit. Sebagai contoh, pengalaman remaja dengan sesuatu peribahasa adalah amat sedikit, maka kesan konteks adalah kurang dan usaha memproses menjadi tinggi. Apabila keadaan ini berlaku, maka kebarangkalian ujaran yang tidak relevan yang akan dihasilkan adalah tinggi dan situasi ini menyebabkan remaja tidak dapat mentafsirkan makna sesuatu peribahasa. Oleh sebab kajian ini telah membincangkan tiga peribahasa, iaitu (i) 'berat mata memandang, berat lagi bahu memikul', (ii) 'bagai burung di sangkar emas, badan terkurung mata terlepas', dan (iii) 'ukur baju di badan sendiri', maka kajian ini akan menfokuskan tiga peribahasa yang lain pula, iaitu (i) 'bagai menatang minyak yang penuh', (ii) 'harapkan pagar, pagar makan padi', dan (iii) 'bagai melepaskan batuk di tangga' dalam konteks murid-murid sekolah.

Seterusnya, kajian tentang peribahasa juga dilakukan oleh Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar (2016) yang bertujuan menjelaskan kemampuan pelajar pendidikan guru dalam memahami maksud peribahasa dengan tumpuan kepada peribahasa jenis bidalan. Kajian yang dilakukan ini sangat menarik kerana dapatan menunjukkan bakal guru yang akan mengajar elemen ini dalam mata pelajaran bahasa Melayu kebanyakannya kurang memahami maksud implisit yang terkandung di dalam peribahasa. Menurut Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar (2016), ketidakmampuan pelajar pendidikan guru dalam memahami dan menginterpretasi maksud peribahasa adalah disebabkan tidak memahami makna leksikal, tidak mempunyai maklumat latar belakang (entri ensiklopedik) tentang sifat atau ciri yang didukung oleh suatu item, dan tidak dapat mengaplikasikan maklumat latar belakang kepada maklumat baharu yang diterima. Dalam erti kata lain, para pelajar tidak dapat mengaitkan maklumat latar belakang dengan konteks yang menjadi input dalam proses penginterpretasian sesuatu peribahasa yang diberikan. Pada dasarnya, kajian ini memberi gambaran tentang tahap pemahaman bakal guru bahasa Melayu terhadap kandungan peribahasa. Jika pemahaman bakal guru tidak memuaskan dan mereka yang akan mengajarkan elemen-elemen tersebut kepada murid, maka dikhuatiri objektif untuk membolehkan murid menguasai dan memahami makna peribahasa akan terjejas.

Bagi Mary Fatimah Subet dan Mohd Ridzuan Md Nasir (2019), pengajaran peribahasa sangat penting kerana peribahasa melambangkan kebijaksanaan, falsafah dan akal budi masyarakat Melayu. Hasil kajiannya yang menggunakan kaedah semantik inkuisitif menunjukkan bahawa pendekatan tersebut merupakan antara kaedah yang boleh diguna pakai oleh khalayak untuk menganalisis dan memahami peribahasa secara harfiah dan kognitif untuk mencungkil falsafah dan akal budi penutur jati yang tersirat di sebaliknya ungkapan suatu peribahasa. Pendekatan ini pada dasarnya menyarankan tiga kaedah penganalisisan makna peribahasa, iaitu (i) menjelaskan makna permukaan peribahasa, (ii) analisis berdasarkan data, teori dan kognitif, dan (iii) menghurai dengan mendalam sebab pemilihan sesuatu imej atau objek bagi suatu ungkapan peribahasa. Tambahnya, kaedah ini dapat menjadi satu alternatif kepada guru untuk memahami peribahasa dan makna secara menyeluruh dan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, kaedah ini tidak diuji terhadap murid untuk melihat keberkesannya dalam meningkatkan penguasaan peribahasa dan makna. Malah, pendekatan yang digunakan dilihat lebih sesuai diaplikasikan oleh guru berbanding murid. Hal yang demikian kerana murid memerlukan suatu pengkaedahan pedagogi yang bersesuaian untuk membantu mereka menguasai peribahasa Melayu. Pada dasarnya, teori relevans sangat mudah untuk diaplikasikan dalam usaha untuk memahami dan menguasai peribahasa kerana ia hanya perlu dikaitkan dengan budaya dan persekitaran murid.

Pada dasarnya, kajian tentang peribahasa khususnya tentang aspek fungsi sebagai gambaran minda dan keserjanaan Melayu, kandungan nilai, pandangan hidup, kepercayaan dan pengetahuan menunjukkan aspek peribahasa ini mempunyai isu yang menarik untuk diketengahkan. Sehubungan dengan itu, kajian ini diketengahkan dengan untuk melihat sejauh mana generasi muda, khususnya golongan murid memahami dan menginterpretasi maksud tersirat yang terkandung dalam peribahasa bahasa Melayu. Jika hal ketersiratan makna peribahasa ini tidak dapat dicungkil oleh golongan tersebut, maka persoalan ketersiratan makna aspek bahasa lain yang lebih kompleks juga tentu tidak dapat dicerakin dengan baik (Hasmidar Hassan dan Jafizah Jaafar, 2016). Hal ini akan membantutkan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menggalakkan pelaksanaan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seajar dengan kepentingan tersebut, maka kajian ini dijalankan untuk menjelaskan tahap kefahaman murid mentafsir makna peribahasa, serta menghubungkan kefahaman murid terhadap makna peribahasa berdasarkan teori relevans.

### **3. Metodologi**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah kualitatif digunakan untuk menjawab objektif kedua yang bertujuan menganalisis hubungan antara kefahaman murid berdasarkan teori relevans. Selain itu, kajian ini turut menerapkan kaedah kuantitatif secara umum bertujuan menjawab objektif pertama, iaitu mengenal pasti tahap kefahaman murid terhadap peribahasa Melayu dengan memaparkan data-data dalam bentuk penomboran. Seterusnya, terdapat dua kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini, iaitu kaedah kepustakaan dan pemerhatian. Kaedah pemerhatian dilakukan dengan merujuk sumber-sumber bertulis seperti buku, jurnal, tesis dan lain-lain untuk mencari kelompangan dan isu-isu yang berkaitan dengan skop kajian. Kaedah pemerhatian pula dijalankan dengan pengkaji turun ke lapangan berjumpa dengan responden bagi mendapatkan data.

Oleh itu, lokasi yang dipilih ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Pandamaran Jaya, Pelabuhan Klang, Selangor. Sekolah tersebut dipilih kerana sekolah tersebut merupakan lokasi

pengkaji menjalani Latihan Mengajar selama dua bulan, dan pengkaji memikul beban tugas sebagai guru bahasa Melayu. Sebanyak 30 orang responden daripada sebuah kelas yang diajar oleh responden, yang terdiri daripada murid lelaki dan perempuan telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada murid Melayu, Cina dan India. Dari segi instrumen, kajian ini menggunakan borang maklum balas untuk mendapatkan data. Borang maklum balas mempunyai 20 soalan yang mengkehendaki responden menjawab maksud bagi sesuatu peribahasa, dan mengemukakan contoh yang bersesuaian bagi peribahasa tersebut. Namun, seperti yang dijelaskan pada peringkat awal, kajian ini hanya akan menfokuskan kepada tiga jenis peribahasa sahaja, iaitu (i) 'bagai menatang minyak yang penuh', (ii) 'harapkan pagar, pagar makan padi', dan (iii) 'bagai melepaskan batuk di tangga' kerana peribahasa-peribahasa ini sering digunakan dalam penulisan karangan murid-murid serta turut diketengahkan di dalam buku teks peringkat menengah rendah.

Borang soal selidik yang diperoleh akan dianalisis dalam bentuk rajah dan jadual untuk melihat taburan demografi responden. Data daripada borang maklum balas pula akan dianalisis dalam dua bentuk, (i) mengenal pasti tahap kefahaman murid terhadap makna sesuatu peribahasa bagi menjawab objektif satu dengan mempersembahkan data dalam bentuk rajah dan penomboran, dan (ii) menganalisis kefahaman murid terhadap makna peribahasa berdasarkan teori relevans yang akan dijelaskan secara deskriptif. Sepanjang melaksanakan kajian ini, etika penyelidikan yang melibatkan manusia sebagai responden kajian telah dipatuhi dengan mengelak daripada bertanya atau menyentuh isu-isu sensitif seperti perkauman dan keagamaan, serta merahsiakan nama responden yang terlibat dalam kajian bagi menjaga maruah responden kajian ini.

## **Teori Relevans**

Teori relevans merupakan teori penting dalam menghuraikan permasalahan linguistik bahasa Melayu terutama yang melibatkan persoalan pemaknaan. Teori relevans diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson bagi menggantikan teori Grice yang mempunyai beberapa kelemahan (Nor Hasimah Jalaluddin, 1992). Teori relevans mencakupi fakta tentang pembentukan dan pemilihan konteks serta prinsip-prinsip yang relevans. Teori ini menekan tiga gagasan utama iaitu konteks, kesan konteks dan usaha memproses. Berdasarkan teori ini, semakin banyak kesan konteks yang diperoleh, maka semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan, dan semakin relevanlah ujaran itu. Ketiga-tiga gagasan tersebut diringkaskan seperti berikut untuk memudahkan pemahaman terhadap kandungan teori yang digunakan dalam kajian ini, sekali gus memudahkan pemahaman terhadap analisis yang akan dilakukan apabila makna-makna peribahasa yang ditafsirkan oleh murid dianalisis berdasarkan teori tersebut:

### **1. Konteks:**

Konteks adalah sebarang andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar dan ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling hampir (Sperber dan Wilson, 1986).

## 2. Kesan Konteks:

Kesan konteks ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diripendengar tersebut. Dalam usaha memperoleh kesan konteks ini, Nor Hasimah Jalaluddin (2003) telah menggariskan beberapa proses yang perlu dilakukan, antaranya:

### i. Penggabungan maklumat

Proses ini banyak berfokus kepada penutur. Dalam konteks ini, kebijaksanaan mereka dalam mengaitkan andaian awal yang telah terbina daripada maklumat-maklumat baru yang diterima oleh mereka berkenaan peribahasa yang dinyatakan dalam ujian bertulis tersebut. Fenomena ini akan memungkinkan pembaca memproses maklumat dengan lebih tepat dan jelas.

### ii. Penguatan maklumat

Proses berlaku apabila andaian awal yang terbina pada diri mereka dapat dikuatkan. Dalam proses ini, maklumat-maklumat ini penting dalam menginterpretasikan makna ujaran dengan tepat dan jitu.

### iii. Pengguguran maklumat

Pengguguran maklumat merujuk kepada berlakunya pertentangan maklumat antara andaian awal yang terbina pada diri pembaca. Fenomena ini menyebabkan pertentangan dari segi andaian pendengar terhadap sesuatu maklumat yang baru diterima oleh mereka. Keadaan ini mewujudkan atau melahirkan suatu keadaan di mana maklumat-maklumat yang lemah akan digugurkan dan diganti dengan maklumat yang baru bagi membentuk kesan konteks yang tinggi. Dalam konteks ini, untuk memastikan sesuatu maklumat itu relevan, maka maklumat itu perlu kaya dengan kesan konteks agar interpretasi makna tidak terganggu atau mendatangkan masalah kepada pihak pembaca.

## 3. Usaha Memproses Maklumat


Cara kita memperoleh kesan konteks haruslah seimbang dengan usaha memproses maklumat. Usaha memproses maklumat itu seharusnya menggunakan maklumat yang seminum mungkin. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa prinsip relevans memberikan penekanan, iaitu (i) semakin tinggi kesan konteks, makin semakin relevanlah ujaran, dan (ii) semakin rendah kos memproses, maka semakin relevanlah ujaran.

## 4. Analisis dan Perbincangan

Bahagian ini akan menjelaskan dua objektif yang dikemukakan sebelum ini, iaitu (i) mengenal pasti tahap kefahaman murid terhadap peribahasa Melayu, dan (ii) menjelaskan hubung kait kefahaman murid terhadap peribahasa Melayu berdasarkan teori relevans. Setiap perbincangan akan dijelaskan secara berasingan dan satu persatu supaya huraian tentangnya mudah difahami.

## Tahap Kefahaman Murid terhadap Peribahasa Melayu

Perbincangan dalam bahagian ini akan menjelaskan objektif pertama yang berkaitan dengan tahap kefahaman murid terhadap peribahasa Melayu. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, terdapat tiga jenis peribahasa yang menjadi fokus dalam kajian ini, iaitu (i) ‘bagai menatang minyak yang penuh’, (ii) ‘harapkan pagar, pagar makan padi’, dan (iii) ‘bagai melepaskan batuk di tangga’. Berikut adalah tahap kefahaman murid terhadap ketiga-tiga peribahasa tersebut:



Rajah 1. Tahap Kefahaman Murid terhadap Peribahasa ‘bagai menatang minyak yang penuh’

Berdasarkan rajah 1, seramai enam orang murid telah menanggapi makna peribahasa ‘bagai menatang minyak yang penuh’ sebagai ungkapan yang mendukung makna ‘jaga anak dengan cermat’ dan seramai empat orang murid menanggapi makna peribahasa ini sebagai ‘memanjakan anak dengan penuh kasih sayang’. Seterusnya, seramai tiga orang murid lain menanggapi makna peribahasa ini sebagai ‘kasih sayang’. Selain itu, terdapat juga murid mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘kasih sayang yang berlebihan’, ‘kasih sayang terhadap seorang saja’, ‘menyayangi sesuatu dengan penuh kasih sayang’ dan ‘mendidik anak dengan penuh kasih sayang’, iaitu setiap maksud tersebut ditafsir seramai dua orang murid.




Akhir sekali, terdapat juga murid yang mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘menyayangi anak dengan penuh kasih sayang’, ‘menyayangi seseorang’, ‘jaga anak’, ‘berhati-hati’, ‘menyayangi seseorang dengan penuh kasih sayang’, ‘gemuk’, ‘menunjukkan kasih sayang yang penuh’, ‘menjaga anak dengan penuh kasih sayang’ dan ‘mengajar dengan penuh kasih sayang’ dengan setiap maksud tersebut ditafsir sedemikian oleh ialah seorang murid. Dalam erti kata lain, daripada peribahasa ‘bagai menatang minyak yang penuh’ ini, tahap pemahaman murid terhadap maksud peribahasa tersebut adalah baik kerana majoriti jawapan yang diberi menunjukkan maksud berkasih sayang. Hanya satu sahaja jawapan yang menyimpang daripada maksud peribahasa, iaitu ‘gemuk’ yang jelas bercanggah dengan makna peribahasa ‘bagai menatang minyak yang penuh’ ini.



Rajah 2. Tahap Kefahaman Murid terhadap Peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’

Berdasarkan rajah 2, seramai lima orang murid telah menanggapi makna peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ sebagai ‘seseorang yang mengkhianati kita setelah diberi kepercayaan dan amanah kepadanya’. Selain itu, terdapat juga murid yang menanggapi makna peribahasa ini sebagai ‘mengharapkan sesuatu daripada orang lain, namun akhirnya mereka tidak melakukannya’ dan ‘pagar jatuh atas padi’, iaitu setiap satu daripada maksud tersebut ditanggapi seramai empat orang murid. Seterusnya, terdapat juga murid yang mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘pembelot’, ‘orang yang mengkhianati amanah yang diberikan’ dan ‘orang yang dipercayai mengkhianati kita’, iaitu setiap satu maksud tersebut ditanggapi oleh seramai tiga orang murid. Selain itu, data juga menunjukkan terdapat dua orang murid

mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘mempercayakan orang yang jahat’. Akhir sekali, terdapat juga murid yang berpendapat peribahasa ini membawa maksud ‘harapan diletakkan pada bahu seseorang tetapi akhirnya orang itu merosakkan harapan tersebut’, ‘menaruh kepercayaan kepada seseorang yang akhirnya hanya membinasakan diri sendiri’, ‘seseorang yang terlalu mempercayai orang lain’, ‘jangan mengharap, ’mempercayai seseorang tetapi dia merupakan orang jahat’, dan ‘seseorang yang diharapkan tetapi melakukan khianat’, iaitu setiap satu maksud tersebut ditafsir oleh seorang murid. Berdasarkan data, daripada peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ ini, tahap pemahaman murid terhadap maksud peribahasa tersebut adalah pada tahap yang baik kerana hampir majoriti murid dapat mengaitkan peribahasa tersebut dengan unsur amanah, jujur dan pengkhianatan. Hanya satu sahaja jawapan yang jelas bercanggah dengan maksud peribahasa tersebut, contohnya ‘pagar jatuh atas padi’.



Rajah 3. Tahap Kefahaman Murid terhadap Peribahasa ‘bagai melepaskan batuk di tangga’

Berdasarkan rajah 3, seramai 11 orang murid mentafsir makna peribahasa ‘melepaskan batuk di tangga’ sebagai ‘melakukan sesuatu kerja dengan tidak bersungguh-sungguh’. Selain itu, seramai empat orang murid mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘terbatuk kerana sakit’. Terdapat juga murid yang menanggapi makna peribahasa ini sebagai ‘membiarkan kerja’ dan ‘melakukan sesuatu tanpa rasa membuatnya’, iaitu setiap satu maksud tersebut ditanggapi oleh tiga orang murid. Seterusnya, dua orang murid mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘melakukan kerja separuh sahaja’ dan ‘membuat perkara yang sia-sia’. Akhir sekali, terdapat murid yang mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘pekerjaan yang dilakukan dengan

sempurna', 'tidak bertanggungjawab', 'sesuatu pekerjaan yang tidak selesai', 'jangan tengok, jangan pakai stokin' dan 'kerja tidak selesai', iaitu setiap satu maksud tersebut ditanggapi oleh seorang murid. Berdasarkan data, tahap pemahaman murid terhadap maksud peribahasa 'bagai melepaskan batuk di tangga' adalah memuaskan kerana terdapat variasi jawapan yang diberikan oleh murid. Sebagai contoh, hampir majoriti murid dapat menanggapi makna peribahasa ini sebagai melakukan suatu pekerjaan yang sia-sia atau tidak sempurna. Namun, terdapat juga murid yang memberikan jawapan yang mempunyai maksud yang bercanggah dengan peribahasa seperti 'terbatuk kerana sakit'. Malah, ada juga murid yang tidak serius memberikan jawapan dengan menjawab makna peribahasa ini sebagai 'jangan tengok, jangan pakai stokin'.

### Hubung Kait Kefahaman Murid terhadap Peribahasa Melayu Berdasarkan Teori Relevans

Perbincangan dalam bab ini akan menjelaskan objektif kedua, iaitu berkaitan dengan hubung kait kefahaman murid terhadap tiga peribahasa Melayu yang telah dijelaskan sebelum ini berdasarkan Teori Relevans. Kefahaman murid dinilai dari segi pembentukan ayat yang dibina sendiri oleh murid, yang memerlukan mereka menggunakan peribahasa-peribahasa tersebut untuk melihat kefahaman makna peribahasa yang dikaji. Perbincangan akan dihuraikan satu persatu dan mengikut jenis-jenis peribahasa untuk memudahkan pemahaman terhadap analisis.

Jadual 1. Tafsiran Makna Peribahasa 'bagai bagi menatang minyak yang penuh'

Bil	Maksud	Contoh ayat (Cara penulisan adalah berdasarkan cara penulisan pelajar sendiri yang kemungkinan terdapat kesalahan ejaan, tanda baca dan sebagainya)
1.	Kasih sayang	<i>Encik Gokul menjaga anak-anaknya bagai menatang minyak yang penuh.</i>
2.	Menyayangi anak dengan penuh kasih sayang	<i>Ibu faiz menjaga adiknya bagai menatang minyak yang penuh.</i>
3.	Jaga anak dengan cermat	<i>Kumar menjaga anak tunggalnya bagai menatang minyak penuh.</i>
4.	Memanjakan anak dengan penuh kasih sayang	<i>Mak Esah menjaga anak bongsunya 'bagai menatang minyak yang penuh'.</i>
5.	Kasih sayang yang berlebihan	<i>Kasih sayang Abu dan Putri kepada anaknya 'bagai menatang minyak yang penuh'.</i>
6.	Menyayangi seseorang	<i>Puan Losliya menyayangi anaknya Mugen Rao bagai menatang minyak penuh.</i>
7.	Kasih sayang terhadap seorang saja	<i>Emak saya menyayangi saya bagai menatang minyak yang penuh.</i>
8.	Menyayangi sesuatu dengan penuh kasih sayang	<i>Ali menjaga neneknya bagai menatang minyak yang penuh.</i>
9.	Menyayangi seseorang dengan penuh kasih sayang	<i>Ibu bapa Harrenda menjaga dia bagai menatang minyak yang penuh kerana dia masih kecil lagi.</i>
10.	Menunjukkan kasih sayang yang penuh	<i>Ibu bapa Kyle menjaganya bagai menatang minyak yang penuh.</i>

11.	Mendidik anak dengan penuh kasih sayang	<i>Haji Osman mendidik anak-anak buahnya bagai menatang minyak yang penuh.</i>
12.	Menjaga anak dengan penuh kasih sayang	<i>Sufian dijaga bagai menatang minyak yang penuh oleh bapanya setelah ibunya meninggal dunia.</i>
13.	Mengajar dengan penuh kasih sayang	<i>Cikgu hendak mengajar bagai menatang minyak yang penuh.</i>



Rajah 4. Contoh Jawapan Murid

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), menatang didefinisikan sebagai membawa sesuatu di atas telapak tangan. Minyak pula didefinisikan sebagai cairan yang tidak boleh bercampur dengan air yang diperolehi daripada tumbuh-tumbuhan, binatang, ataupun lombong. Menatang minyak yang penuh menggambarkan perbuatan yang memerlukan seseorang itu memiliki sikap yang penuh dengan hati-hati agar minyak penuh yang ditatangnya tidak tumpah. Dalam erti kata lain, peribahasa ‘bagai menatang minyak yang penuh’ merujuk kepada keadaan yang sangat terpelihara dan dijaga dengan teliti dan sempurna.

Berdasarkan data, terdapat murid yang berjaya mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘menyayangi anak dengan penuh kasih sayang’ melalui pembinaan ayat “*Encik Gokul menjaga anak-anaknya bagai menatang minyak yang penuh*” (Ayat 1), ‘*Ibu faiz menjaga adiknya bagai menatang minyak yang penuh*’ (Ayat 2), ‘*Puan Losliya menyayangi anaknya Mugen Rao bagai menatang minyak penuh*’ (Ayat 6), dan ‘*Sufian dijaga bagai menatang minyak yang penuh oleh bapanya setelah ibunya meninggal dunia*’ (Ayat 12). Keadaan ini jelas menunjukkan murid faham maksud peribahasa ini. Berdasarkan teori relevans, semakin tinggi kesan konteks yang diperolehi, maka semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan. Maka semakin relevanlah ujaran tersebut. Berdasarkan teori ini, murid memahami dengan jelas maksud peribahasa ‘bagai menatang minyak yang penuh’. Dalam erti kata lain, kesan konteks bagi pemahaman murid terhadap peribahasa ini adalah tinggi. Keadaan ini menyebabkan kurang usaha memproses maklumat kerana murid tahu makna peribahasa tersebut sebagai salah satu perbuatan menyayangi atau menjaga anak dengan sepenuh hati.


Berdasarkan jadual 1, terdapat murid yang mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘jaga anak dengan cermat’ dengan contohnya “*Kumar menjaga anak tunggalnya bagai menatang minyak penuh*”. Keadaan ini sejajar dengan konteks, seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal

yang paling hampir (Sperber dan Wilson, 1986). Menurut Nor Hashimah Jalaluddin dan Junaini Kasdan (2010), peribahasa wujud kerana masyarakat Melayu mahu menyampaikan sesuatu makna secara analogi atau perbandingan. Secara psikologinya, murid mengaitkan analogi bagi perbuatan menatang minyak sebagai perbuatan yang cermat, tidak boleh ditumpahkan dan perlu ditatang dengan selamat. Berdasarkan pemahaman tersebut, maka murid secara tidak langsung dapat mengaitkan makna peribahasa tersebut dengan perbuatan menjaga anak dengan baik tanpa mengandaikan makna-makna yang lain. Daripada data dalam rajah 1 dan jadual 1, majoriti murid dapat memberi jawapan yang berhubung kait dengan makna peribahasa 'bagai menatang minyak yang penuh' sekali gus menunjukkan tahap pemahaman murid terhadap peribahasa ini adalah sangat tinggi.

Jadual 2. Tafsiran Makna Peribahasa 'harapkan pagar, pagar makan padi'

Bil	Maksud	Contoh ayat (Cara penulisan adalah berdasarkan cara penulisan pelajar sendiri, mungkin terdapat kesalahan ejaan, tanda baca dan sebagainya)
1.	Seseorang yang mengkhianati kita setelah kita memberi kepercayaan dan amanah padanya	<i>Pembantu rumah Encik Irfan sentiasa mengambil barang di rumahnya dan membawa pulang seperti seperti harapkan pagar, pagar makan padi.</i>
2.	Pembelot	<i>Abu menganggap Ali seperti harapkan pagar, pagar makan padi</i>
3.	Harapan diletakkan pada bahu seseorang tetapi akhirnya orang itu yang merosakkan	<i>Kejadian seorang pegawai penguatkuasa ditangkap kerana pecah masuk ke dalam sebuah bangunan yang berada di bawah kawalannya itu bolehlah disifatkan seperti 'harapkan pagar, pagar makan padi'.</i>
4.	Menaruh kepercayaan pada seseorang yang akhirnya hanya membinasakan diri sendiri	<i>Encik Abu tidak menyangka Badrul telah mengkhianatinya ibarat 'harapkan pagar, pagar makan padi'.</i>
5.	Mengharapkan sesuatu daripada orang lain, akhirnya mereka tidak melakukannya	<i>Kita mesti cuba membuat sesuatu kerja sendiri. Janganlah macam 'harapkan pagar, pagar makan padi.</i>
6.	Orang yang mengkhianati amanah yang diberikan	<i>Tak sangka betul, harapkan dia menjaga harta saya, rupa-rupanya, harapkan pagar, pagar makan padi</i>
7.	Seseorang yang terlalu mempercayai orang lain	<i>Xiao Hui mempercayai rakannya tetapi akhirnya ditipu oleh rakannya seperti harapkan pagar, pagar makan padi.</i>
8.	Orang yang kita percayai berkhianat kepada kita	<i>Nia menyesal kerana memberi kepercayaan kepada kawannya untuk menguruskan perniagaan kerana kawannya telah belot dan nasibnya tidak ubah seperti harapkan pagar, pagar makan padi.</i>
9.	Mempercayai seseorang tetapi dia merupakan orang jahat	<i>Puan Melody memberi banyak wang kepada kawannya supaya menjaga wang tersebut tetapi kawannya mencuri duit seperti harapkan pagar, pagar makan padi.</i>

10.	Mempercayakan seseorang yang jahat	<i>Saya memberi wang kepada kawan saya untuk menyimpan tetapi kawan saya mecurinya seperti harapkan pagar, pagar makan padi.</i>
11.	Seseorang yang diharapkan tetapi telah berkhianat	<i>Pak Daniel yang diberikan duit anak-anak yatim itu telah digunakan untuk keperluan diri sendiri bagai harapkan pagar, pagar makan padi.</i>



Rajah 5. Contoh Jawapan Murid

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan kata harapkan sebagai harap akan atau hasrat untuk mendapatkan sesuatu. Kata pagar pula didefinisikan sebagai sesuatu yang dibuat untuk membatasi sesuatu kawasan. Kata padi didefinisikan sebagai sejenis tumbuhan yang buahnya dijadikan beras. Pada dasarnya terdapat pandangan yang menjelaskan ungkapan yang betul ialah pagar dan bukannya pagar. Akibat kesilapan yang berlaku disebabkan perubahan ejaan rumi daripada ejaan Jawi, maka timbul pandangan bahawa kata yang tepat bagi peribahasa ini ialah pagar, iaitu merujuk sejenis burung yang digunakan untuk menghalau burung lain. Namun, data di dalam Kamus Istimewa Peribahasa Bahasa Melayu (1975) ialah ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ dan bukannya pagar. Tambahan juga, peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ telah diterima pakai sejak sekian lama walaupun ada yang berpandangan perkataan pagar merupakan perkataan yang tepat untuk peribahasa ini. Oleh sebab itu, kajian ini memilih untuk mengekalkan penggunaan peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’.

Berdasarkan dapatan kajian, terdapat pelajar yang mentafsir makna peribahasa ini sebagai ‘seseorang yang mengkhianati kita setelah diberi kepercayaan dan amanah kepadanya’ dengan contoh ayat “*Pembantu rumah Encik Irfan sentiasa mengambil barang di rumahnya dan membawa pulang seperti harapkan pagar, pagar makan padi*” (Ayat 1), *Kejadian seorang pegawai penguatkuasa ditangkap kerana pecah masuk ke dalam sebuah bangunan yang berada di bawah kawalannya itu bolehlah disifatkan seperti ‘harapkan pagar, pagar makan padi’* (Ayat 3), *Puan Melody memberi banyak wang kepada kawannya supaya menjaga wang tersebut tetapi kawannya mencuri duit seperti harapkan pagar, pagar makan padi* (Ayat 9) dan sebagainya .

Contoh-contoh yang diberi jelas menunjukkan murid mampu menggambarkan contoh ayat yang sesuai bagi menggambarkan peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’.

Keadaan ini menunjukkan situasi seseorang mengkhianati kita apabila telah diberi kepercayaan dan amanah kepadanya. Menurut Mary Fatimah Subet (2010), dalam teori relevans, proses inferens terhadap makna peribahasa ini akan membolehkan satu rumusan terhadap andaian dibuat. Oleh itu, kemungkinan memperoleh pelbagai andaian itu sebenarnya melalui proses inferens terlebih dahulu. Proses membuat andaian daripada inferensi ini sejajar dengan salah satu gagasan utama dalam teori relevans, iaitu konteks. Dalam erti kata lain, proses membuat andaian dapat dikaitkan dengan gagasan konteks dalam teori relevans yang juga merupakan seberkas andaian atau kemungkinan idea yang wujud dalam situasi mental, atau diperoleh daripada persekitaran sebenar.

Dari segi binaan struktur ayat dalam peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ itu sendiri, murid dengan mudah dapat menanggapi makna peribahasa ini sebagai suatu yang berunsur pengkhianatan kerana dari segi analoginya, murid dapat memahami dengan mudah bahawa pagar diharapkan untuk menjaga padi, namun pagar itu sendiri yang memakan padi. Pada dasarnya, konteks atau penghasilan andaian yang tepat yang dikenal pasti hanya dari segi struktur ayat peribahasa tersebut menyebabkan usaha memproses maklumat atau makna peribahasa tersebut menjadi kurang. Apabila keadaan ini berlaku, maka relevanslah makna peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ yang ditanggapi oleh murid-murid tersebut.

Selain itu, terdapat juga murid yang memberikan tafsiran yang kurang tepat untuk menggambarkan makna peribahasa ini contohnya ayat 5 pada jadual 2, iaitu *Kita mesti cuba membuat sesuatu kerja sendiri. Janganlah macam ‘harapkan pagar, pagar makan padi’*. Melalui ayat ini, murid berpendapat peribahasa ‘harapkan pagar, pagar makan padi’ ini sebagai situasi mengharap sesuatu daripada orang lain, akhirnya mereka tidak melakukannya. Dalam erti kata lain, murid beranggapan peribahasa ini bermaksud seseorang yang tidak boleh diharap. Pada dasarnya makna tersebut hampir sama namun makna tersebut terlalu umum kerana tidak dinyatakan seseorang itu tidak boleh diharap berdasarkan konteks yang bersesuaian. Seharusnya murid perlu menjelaskan bahawa seseorang itu tidak boleh diharap kerana sifatnya yang tidak amanah. Tambahan juga, terdapat murid yang berjaya mentafsir makna peribahasa ini dengan tepat, iaitu pembelot. Namun, ayat yang dihasilkan untuk menggambarkan makna peribahasa ini adalah tidak sejajar dengan maksud yang diberi contohnya ayat 2 ‘*Abu menganggap Ali seperti harapan pagar, pagar makan padi*’. Dalam ayat ini, murid tidak dapat menghasilkan ayat yang sesuai untuk menjelaskan pembelotan yang berlaku kerana struktur ayatnya tidak gramatis dan tergantung hingga tidak dapat menghasilkan makna yang lengkap, atau tidak dapat menjelaskan situasi pembelotan yang berlaku.

Bagi memastikan sesuatu maklumat itu relevan, maka maklumat itu perlu kaya dengan kesan konteks agar interpretasi makna tidak terganggu (Nor Hasimah Jalaluddin, 2003). Menurut Jos Daniel Parera (1991), suatu kata dapat menimbulkan beberapa kemungkinan hubungan makna. Pengelompokan idea ini selalunya berhubung kait dengan pengalaman yang pernah dilalui oleh khalayak. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan latar belakang responden. Dalam teori relevans, konteks dirujuk dengan cara merujuk apa-apa sahaja yang berlaku di sekitar manusia (Mary Fatimah Subet, 2018). Kesan konteks yang merupakan salah satu gagasan dalam teori relevans pula merupakan andaian awal tentang maklumat yang relevan dengan diri khalayak. Berdasarkan teori tersebut, pemahaman terhadap sesuatu perkara akan menjadi lebih relevan jika mempunyai lebih banyak kesan konteks. Khalayak akan menggabung atau menggugurkan konteks yang ingin dikaitkan dengan suatu andaian.

Seperti yang dijelaskan dalam metodologi, responden kajian ini merupakan murid yang bersekolah di Pelabihan Klang, Selangor. Oleh sebab keadaan responden yang tidak dikelilingi dengan sawah padi, maka terdapat murid sukar memberi andaian yang tepat tentang peribahasa ini kerana kata seperti padi misalnya tidak relevan dengan persekitaran dan budaya murid. Oleh sebab itu, peribahasa ini sukar difahami kerana kos memproses maklumat yang tinggi diperlukan untuk murid mengaitkan peribahasa ini dengan kehidupan dan budaya murid. Situasi ini secara tidak langsung akan menyebabkan penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar berada tahap sederhana dan lemah. Menurut Musanif (2011) dalam kajian Mohd Ridzuan Md Nasir (2019), pemahaman maksud secara abstrak yang terkandung dalam peribahasa tidak dapat dikuasai murid dengan baik kerana murid hanya mampu menyatakan beberapa peribahasa popular, namun mereka tidak mampu untuk menghuraikan maksud peribahasa tersebut secara mendalam.

Jadual 3. Tafsiran Makna Peribahasa ‘bagai melepaskan batuk di tangga’

Bil	Maksud	Contoh ayat (Cara penulisan adalah berdasarkan cara penulisan pelajar sendiri, mungkin terdapat kesalahan ejaan, tanda baca dan sebagainya)
1.	Membiarkan kerja	<i>Encik Sidharth tidak menyiapkan kerja di pejabatnya seperti melepaskan batuk di tangga.</i>
2.	Melakukan sesuatu kerja dengan tidak bersungguh-sungguh	<i>Sikap Ahmad yang melakukan kerjanya 16ambal lewa bagai melepaskan batuk di tangga.</i>
3.	Pekerjaan yang tidak dilakukan dengan sempurna	<i>Semua kerja rumah yang diberikan kepada Alu tidak diselesaikan seumpama melepaskan batuk di tangga.</i>
4.	Sesuatu pekerjaan yang tidak selesai	<i>Semua pekerjaan yang diberikan oleh Encik Ali kepada Khairul melepaskan batuk di tangga.</i>
5.	Melakukan kerja separuh sahaja	<i>Bapa seperti ‘melepaskan batuk di tangga’ kerja yang dibuatkan kerana diberitahu bahawa ibu di hospital sebab pengsan.</i>
6.	Kerja tidak diselesaikan	<i>Xue Thing tidak membuat habis kerja sekolah yang diberi oleh cikgu seperti melepaskan batuk di tangga.</i>

<p>Melepaskan batuk di tangga</p> <p>Maksud:</p> <p>Melakukan sesuatu dengan tidak bersungguh-sungguh</p>	<p>Contoh ayat</p> <p>Saya tidak mahu kamu melakukan kerja itu dengan sambil lewa bagai melepaskan batuk di tangga. kata guru besar.</p>
---	--



<p>Melepaskan batuk di tangga</p> <p>Maksud</p> <p>Perkara sia-sia</p>	<p>Contoh ayat</p> <p>Ainul ditegur oleh ibunya kerana menyopu          dedaun kering di halaman rumah bagi melepaskan          batuk di tangga</p>
--	---

Rajah 6. Contoh Jawapan Murid

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), melepaskan didefinisikan sebagai membiarkan lepas, membebaskan atau tidak menyekat-nyekat. Batuk didefinisikan sebagai berbatuk mengeluarkan nafas daripada paru-paru dengan keras atau keadaan yang menyebabkan batuk berulang-ulang. Tangga didefinisikan sebagai alat untuk memanjat. Terdapat perbezaan pendapat apabila segelintir pengguna bahasa menyatakan perkataan ‘batok’ merupakan perkataan yang tepat bagi peribahasa ini berbanding perkataan ‘batuk’. Hal ini kerana berdasarkan rujukan daripada laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), Dewan Bahasa dan Pustaka (PRPM, DBP), “batok” yang dimaksudkan ialah sejenis alat yang diperbuat daripada tempurung yang digunakan untuk menceduk air. Alat tersebut dahulunya biasanya terletak di tepi tangga dan disangkut pada tiang selepas digunakan untuk membasuh kaki. Namun, data di dalam Kamus Istimewa Peribahasa Bahasa Melayu (1975) mengekalkan peribahasa ‘bagai melepaskan batuk di tangga’ dan bukannya batok. Tambahan juga, peribahasa ‘bagai melepaskan batuk di tangga’ telah diterima pakai sejak sekian lama. Oleh sebab itu, kajian ini memilih untuk mengekalkan penggunaan peribahasa ‘bagai melepaskan batuk di tangga’. Pada dasarnya, peribahasa ini bermaksud sesuatu pekerjaan yang tidak diselesaikan dengan sempurna.

Dalam teori Relevans, pendengar akan memastikan usaha memproses maklumat rendah tetapi kesan kognitif adalah tinggi untuk menghasilkan interpretasi yang selaras dengan hasrat penutur. Dalam ujaran ini, proses pemahaman diteruskan dengan mengaplikasikan konsep *ad hoc* peluasan (Mohd Aris Anis dan Ahmad Esa, 2016). Konsep melepaskan batuk ini perlu diperluaskan seperti perbuatan yang melakukan pekerjaan dengan tidak sungguh-sungguh. Andaian-andaian lain yang relevan dan konsep-konsep lain yang mampu membekalkan maklumat untuk peluasan ungkapan tersebut juga sentiasa dicari. Andaian-andaian terus dicari untuk membentuk andaian implikatur yang relevan dengan ujaran berkenaan (Mohd Aris Anis dan Ahmad Esa, 2016). Dalam erti kata lain, murid akan berusaha mencipta andaian-andaian yang berkaitan dengan peribahasa tersebut. Berdasarkan jadual 3 dan rajah 6, didapati bahawa responden dapat mencipta andaian yang tepat tentang maksud peribahasa ini apabila hampir semua murid dapat menanggapi makna peribahasa ini sebagai melakukan suatu pekerjaan yang sia-sia kerana tidak diselesaikan dengan sempurna atau separuh jalan sahaja.

Hal ini dapat dilihat pada ayat (1) ‘*Encik Sidharth tidak menyiapkan kerja di pejabatnya seperti melepaskan batuk di tangga*’, (Ayat 3) ‘*Semua kerja rumah yang diberikan kepada Alu tidak diselesaikan seumpama melepaskan batuk di tangga*’, dan (Ayat 6) ‘*Xue Thing tidak membuat habis kerja sekolah yang diberi oleh cikgu seperti melepaskan batuk di tangga*’. Bagi ayat 5, ‘*Bapa seperti ‘melepaskan batuk di tangga’ kerja yang dibuatkan kerana diberitahu bahawa ibu di hospital sebab pengsan*’, murid ingin menggambarkan bahawa bapa tidak dapat menyelesaikan kerja kerana terpaksa bergegas ke hospital disebabkan ibunya telah pengsan. Pada dasarnya, murid memahami makna peribahasa ini sebagai melakukan pekerjaan yang tidak selesai. Namun, disebabkan faktor sintaksis, maka ayat yang dihasilkan adalah tidak gramatis. Sungguhpun demikian, pembaca masih dapat membuat tafsiran bahawa pekerjaan bapanya terpaksa ditinggalkan disebabkan faktor kecemasan dan perbuatan itu diibaratkan sebagai ‘bagai melepaskan batuk di tangga’. Berdasarkan ayat-ayat yang dibina

ini, dapat dirumuskan bahawa murid faham akan makna peribahasa tersebut, iaitu perbuatan seseorang yang tidak melakukan sesuatu kerja sehingga selesai atau hanya melakukan kerja itu separuh jalan sahaja.

Dalam konteks ini, untuk memastikan sesuatu maklumat itu relevan, maka perlulah maklumat itu kaya dengan kesan konteks agar interpretasi makna tidak terganggu atau menghadapi masalah kepada pihak pembaca (Nor Hasimah Jalaluddin, 2003). Tambah Nor Hashimah Jalaluddin dan Junani Kasdan (2010), pernyataan-pernyataan pada peribahasa hanya membekalkan maklumat yang logik sahaja. Pada peringkat inilah peranan pragmatik dengan ilmu kognitif, serta pembentukan psikologi untuk mentafsirkan makna akan dijana. Tambahnya, pada peringkat ini akan muncul pembentukan andaian sama ada yang munasabah atau sebaliknya untuk menanggapi mesej yang diterima. Jelaslah bahawa, dapatan kajian menunjukkan hasil daripada interpretasi semantik, murid dapat mentafsir makna peribahasa kerana murid mempunyai konteks yang mencukupi untuk mentafsir makna peribahasa yang dikemukakan. Rumusannya, terdapat kaitan yang jelas antara kefahaman pelajar terhadap peribahasa makna Melayu ini dengan teori Relevans. Berdasarkan teori Relevans tahap kefahaman pelajar terhadap makna peribahasa dapat dilihat dari segi psikologi dan persekitaran fizikal murid, serta pengalaman peribadi murid itu sendiri.

## **5. Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan, dapat dirumuskan bahawa tahap kefahaman pelajar tingkatan 1 SMK Pendamaran Jaya adalah memuaskan dalam menanggapi makna peribahasa, (i) 'bagai menatang minyak yang penuh', (ii) 'harapkan pagar, pagar makan padi', dan (iii) 'bagai melepaskan batuk di tangga'. Sebilangan besar murid dapat memberi makna peribahasa dengan baik walaupun terdapat beberapa orang murid yang gagal mentafsir makna peribahasa dengan betul atau menghasilkan ayat yang gramatis bagi menginterpretasi makna peribahasa yang dikemukakan. Berdasarkan teori Relevans, kebolehan murid mentafsir makna peribahasa dikaitkan psikologi, budaya dan persekitaran fizikal mereka. Keadaan ini sejajar dengan konteks iaitu seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar dan ia tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling hampir. Hal ini sejajar dengan gagasan yang terdapat dalam teori Relevans bahawa semakin tinggi kesan konteks yang diperolehi, semakin kurang usaha memproses maklumat yang diperlukan maka semakin relevanlah ujaran tersebut. Dari segi implikasi, kajian ini diharap memberi pengetahuan dan galakan kepada murid untuk memahami, menguasai dan mengaplikasikan peribahasa dalam komunikasi seharian sama ada dalam bentuk tulisan mahu pun lisan kerana peribahasa bukan sahaja melambangkan pemikiran dan akal budi yang tinggi, sebaliknya merupakan warisan kebahasaan yang konvensional, unik dan menarik untuk dipertahankan nilainya. Dari segi bidang pendidikan pula, diharapkan kajian ini dapat memberi pemahaman dan kesedaran kepada para guru sebagai fasilitator tentang kepentingan membantu murid menguasai makna peribahasa dengan betul dan cekap agar dapat diaplikasikan dalam komunikasi seharian, berbanding fokus untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sahaja.

## Rujukan

- Abdullah Hussain. (1975). *Kamus istimewa peribahasa bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adib Zakwan Al-Qayyum Shahbuddin & Mardian Shah Omar. (2020). Pengekaln kosa kata budaya dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa. *Jurnal Linguistik*, Vol. 24(1), 81-93.
- Effendy Ahmadi. (2004). Retorik peribahasa Melayu: Analisis skema dan trope. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- Hasmidar Hassan & Jafizah Jaafar. (2016). Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: Analisis berdasarkan teori relevans. *Jurnal Bahasa*. Jilid, 16(1), 94-119.
- Junaini Kasdan, Nor Hashimah Jalaluddin & Wan Nurasikin Wan Ismail. (2016). Ikan (Pisces) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)*, 4(1), 31-41.
- Mary Fatimah Subet. (2010). Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: Satu analisis teori relevans. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Mary Fatimah Subet. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159-188.
- Mary Fatimah Subet & Mohd Ridzuan Md Nasir. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, Vol. 16, (No. 2), 227-253.
- Mohd Mahzan Awang, Noor Azam Abdul Rahman, Noraziah Mohd Amin & Abdul Razaq Ahmad. (2015). Mesej perpaduan dalam buku teks bahasa Melayu tingkatan 4 dan 5: Analisis terhadap peribahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. Vol.5, Bil.1, 44-52.
- Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2017). Penguasaan peribahasa dan makna menggunakan pisatum: Satu kajian tindakan. *Seminar Antarabangsa Pedagogi Kali Ke-8 (PEDA8)*, Vol. 8. Kuala Lumpur: Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas.
- Mohd Ridzuan Md. Nasir. (2019). *Semantik inkuisitif dan penggabungjalinnannya dengan pendidikan melalui kaedah pengajaran peribahasa Melayu*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.
- Mohd Aris Anis & Ahmad Esa. (2016). Implikatur dalam kesantunan berbahasa: Analisis teori relevans. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 7(1), 101-112.
- Nor Ain Nor Azman & Nur Farakhanna Mohd Rusli. (2020). Analisis penggunaan kata sendi nama dalam penulisan berdasarkan teori kesalahan bahasa. *SP International Journal*, Vol. 7, Issue 1, 39-59.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Junaini Kasdan. (2010). Remaja Malaysia dan peribahasa Melayu. *Jurnal Linguistik*, 10 (Edisi Khas), 158-172.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2014). *Pemugaran penyelidikan untuk pemerksaan bahasa*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2003). *Semantik*. Bangi: Pusat Pengajian Jarak Jauh, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (ed. ke-4). (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Fatin Shamimi, Nur Farakhanna Mohd Rusli, Mohd Rai'in Shaari & Kesavan Nallaluthan. (2021). Persepsi pelajar terhadap aplikasi multimedia interaktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners* Vol. 6. No. 1. 15-24.
- Parera, J. D. (1991). *Teori semantik*. Institut Keguruan dan Ilmu Pendidikan, Jakarta, Indonesia: Erlangga.
- Sperber, D. & Wilson, D. (1986). *A Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2010). Pengkategorian peribahasa Melayu berdasarkan aspek nilai dan pemikiran: Satu analisis pragmatik. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). Bahasa dan pemikiran dalam bahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 31, Volume 11(3). 31-51.

### **Biodata Penulis**

Marriane Tang Nguik Hiong merupakan mantan pelajar di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian pada tahun 2020 setelah 4 tahun melanjutkan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Nur Farakhanna Mohd Rusli merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Bidang Pengkhususan beliau ialah Linguistik Melayu, Fonetik dan Fonologi Bahasa Melayu dan Pendidikan Bahasa Melayu.

Noor Syamshida Masa merupakan mantan pelajar di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu dengan Kepujian pada tahun 2020 setelah setelah 4 tahun melanjutkan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Norfaizah Abdul Jobar merupakan pensyarah di Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim Perak. Bidang Pengkhususan beliau Wacana Bahasa Melayu dan Pendidikan Bahasa Melayu.